

31 AUG 2001

Sukan-Lumba Kereta (Merdeka)

JEFFREY, ADMI DAN TOMMY MENANG PERLUMBAAN LASAK MERDEKA

SEPANG, 31 Ogos (Bernama) -- Kereta TVR Chimaera yang dipandu oleh Jeffrey Wong, Admi Shahrul dan Tommy Lee muncul juara keseluruhan Perlumbaan Lasak 12 Jam Merdeka Milenium 2001 di Litar Lumba Kereta Sepang di sini, hari ini.

Dalam perlumbaan yang bermula tengah malam 30 Ogos itu, pelumba-pelumba berkenaan yang berlumba dalam kategori A, menghabiskan 250 pusingan pada litar sejauh 5.543km itu dengan masa 12 jam 00 minit 20.130 saat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Dr Mahathir kemudian memandu kereta Proton Waja yang mendapat tempat kedua mengelilingi trek. Kereta Proton Waja itu dipandu oleh Faizal Hakimi, Yeo Tee Eong dan Phua Chai Chong.

Kereta ini bertanding dalam kategori terbuka mencatat masa 12:00:35.893s, ketinggalan lima pusingan di belakang pemenang.

Kejayaan hari ini adalah yang kedua berturut-turut buat Tommy yang tahun lepas berpasangan dengan pemandu tempatan Karamjit Singh dan Jimmy Low memandu kereta Proton Pert memenangi perlumbaan pertama ini.

"Strategi kami ialah menyaingi kereta lain. Dalam perlumbaan lasak seperti ini yang penting bukan setakat pecutan, tetapi berada pada kedudukan yang baik. Strategi ini ternyata berjaya," kata Tommy.

Sementara itu, Admi berkata: "Pada mulaya agak sukar untuk menduduki tempat yang baik. Tetapi tugas itu sedikit mudah apabila perlumbaan semakin lama dan beberapa pasukan tidak dapat meneruskan perlumbaan.

Tempat ketiga dimenangi oleh pasangan Chin Jit Pying, Gerard Monteiro dan Rocky Siow yang memandu Subaru GTi dengan masa 12:02:07.509s dan menghabiskan 241 pusingan.

-- BERNAMA

ERE ZB